

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)19

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

19. Huraikan peruntukan yang disalurkan kepada RIBI mulai Ogos 2023 sehingga kini.
- (a) Nyatakan kaedah pelaksanaan di bawah inisiatif pemberian peruntukan RIBI ini. Adakah ia dijalankan secara adil dan saksama kepada semua RIBI yang memerlukan peruntukan sedemikian?
 - (b) Adakah peruntukan yang disalurkan dihadkan untuk upacara sembahyang? Bolehkah peruntukan diguna pakai untuk menaik taraf RIBI?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan sebanyak 3 kali. Sebanyak 55 permohonan telah diangkat dan dibincang oleh jawatankuasa ini dan antaranya 43 permohonan telah diluluskan. Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diperakui dan diluluskan untuk kesemua 43 permohonan ini adalah sebanyak RM1,730,000.00. Senarai terperinci bagi RIBI yang

menerima peruntukan Tabung Amanah RIBI adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (a) Jawatankuasa Tabung Amanah RIBI menilai / mempertimbangkan kelulusan peruntukan ini berdasarkan syarat – syarat kelayakan yang dipatuhi oleh pihak persatuan selaras dengan Garis Panduan Tabung Amanah RIBI (TARIBI) seperti ulasan daripada agensi teknikal berhubung status tanah, status bangunan dan pendaftaran persatuan.
- (b) Fungsi kegunaan peruntukan TARIBI yang diluluskan adalah bagi tujuan pembaikan, penyelenggaraan dan penyediaan tapak sepertimana yang terkandung dalam Garis Panduan TARIBI dan ianya dihadkan bagi tapak ibadat yang berbentuk bangunan yang disediakan oleh penganut-penganut bagi melaksanakan upacara sembahyang, aktiviti dan perayaan keagamaan.

Manakala, skop kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan penyediaan tapak yang melibatkan kerja sivil, elektrik dan mekanikal merangkumi:

- (i) Penstrukturan Semula Bangunan RIBI;

- (ii) Pembaikan Kebocoran Siling dan Bumbung;
- (iii) Pembaikan Retakan Dinding dan Lantai Jubin;
- (iv) Pembaikan Sistem Perparitan;
- (v) Pembaikan dan Pemasangan Pagar;
- (vi) Penukaran Sistem Pendawaian dan Litar Elektrik; dan
- (vii) Bantuan Kecemasan.